



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA

KENYATAAN MEDIA

MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA

RAYUAN SIVIL NO.W-01(IM)-456-07/2024

**(KES DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABDUL RAZAK
VS MENTERI DALAM NEGERI DAN 6 YANG LAIN)**

Mahkamah Rayuan telah menetapkan pendengaran bagi rayuan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Perayu) terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak kebenaran semakan kehakiman dan notis usul yang difailkan oleh Perayu untuk mengemukakan keterangan tambahan berkaitan Titah *Addendum* pada 6 Januari 2025. Sehubungan itu, semua pihak adalah dipohon untuk menghormati prosiding mahkamah dan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang bersifat subjudis memandangkan rayuan dan notis usul tersebut masih belum diputuskan oleh Mahkamah.

JABATAN PEGUAM NEGARA

9 DISEMBER 2024